



**SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 5/2017**  
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka adalah dengan ini dimaklumkan bahawa waktu-waktu bekerja di Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan sepanjang bulan Ramadhan bagi tahun Hijrah 1438/2017 Masihi adalah seperti berikut:-

**Hari Isnin hingga Khamis } Jam 8.00 pagi hingga**  
**dan Hari Sabtu } 2.00 petang**

2. Bagi Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan yang bertugas pada hari Jumaat waktu bertugas adalah seperti berikut:-

**Hari Jumaat } Jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi**

3. Semantera pekerja-pekerja yang bergaji hari pula masa bekerja hendaklah dikurangkan selama satu jam dari waktu-waktu bekerja biasa sementara penentuan memulakan kerja terserahlah kepada budi bicara Kementerian/Jabatan masing-masing.

Sekianlah sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

**"Keluargaku, Harapanku"**

  
**(HAJI NAZMI BIN HAJI MOHAMAD)**  
Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri,  
Istana Nurul Iman,  
Bandar Seri Begawan,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Ruj : ( 5 ) JPM/SK/2017  
Tarikh: 19 Sya'ban 1438  
16 Mei 2017